

Shahidan bayang rombakan kecil Exco negeri

BH 12 DEC 2002

KANGAR, Rabu – Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim, membayangkan kemungkinan akan mengadakan rombakan kecil pada barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan negeri (Exco), selepas Jumaat ini.

Beliau berkata, perubahan itu kemungkinan hanya akan membabitkan bidang tugas atau dari segi portfolio dan tidak membatik muka baru atau pengguguran.

“Oleh kerana tahun depan adalah cukup penting iaitu bermulanya kempen Tahun Melawat Perlis 2003-2005, mungkin saya sendiri akan mengambil alih portfolio Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Exco negeri di pejabatnya di sini, hari ini.

Shahidan berkata, rombakan itu bagaimanapun hanya akan diumumkan selepas mendapat kelulusan

daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, tempoh perkhidmatan ahli Exco Perlis akan berakhir Jumaat ini, manakala majlis angkat sumpah jawatan dijangka malam esok (Khamis) atau sebelum Jumaat ini.

Senarai nama bagi pelantikan semula barisan Exco, termasuk yang lama telah dihantar kepada Dr Mahathir, untuk mendapat restu.

“Setakat ini, kita belum pasti, mungkin ada perubahan atau sebaliknya dari segi jumlah anggota Exco. Bagaimanapun, perubahan mungkin ada khususnya dari segi portfolio.

“Selain itu, yang pasti tidak ada calon wanita yang akan dilantik. Begitu juga dengan kedudukan Ahli Exco mengikut kawasan Parlimen atau bahagian, tidak ada perubahan,” katanya.

Pada masa ini, tiga daripada Exco adalah dari ka-

wasan Parlimen Padang Besar, iaitu Datuk Ishak Arshad; Exco Agama Islam dan Kepenggunaan negeri yang juga Ahli Dewan Undangan negeri (Adun) Mata Ayer; Datuk Yazid Mat, Adun Chuping (Kemudahan Awam) dan Loh Yoon Foo, Adun Titi Tinggi (Perumahan dan Kerajaan Tempatan).

Mohd Hadzi Nordin, Adun Kayang (Tanah, Perhutanan dan Alam Sekitar) dan Mohd Isa Sabu, Adun Bintong (Pertanian) adalah dari kawasan Parlimen Kangar manakala Datuk Abu Bakar Ismail, Adun Pauh (Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan), Arau.